

**THE CONCEPT OF IHSAN IN EDUCATION BASED ON THE BOOK
 IHYA' 'ULUMUDDIN**

**PENGHAYATAN KONSEP IHSAN DALAM PENDIDIKAN BERDASARKAN
 KITAB IHYA' 'ULUMUDDIN**

Nur Syazwani Othmanⁱ, Mahfuzah Mohammed Zabidiⁱⁱ,
 Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidiⁱⁱⁱ & Norhapizah Mohd Burhan^{iv}

- ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 81750 Masai. nursyazwaniiothman87@gmail.com
ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. mahfuzah3051@uitm.edu.my
ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi. izzar@ukm.edu.my
^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Pahang. izahuiam@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>The concept of Ihsan is an essential component in the discourse of Sufism for the formation of an individual's soul and spirituality. Ihsan, in this context, refers to performing acts of kindness or doing something excellently. Through Ihsan, an individual conducts themselves with greater care and vigilance, aiming to always be in the good graces of Allah SWT. The concept of Ihsan discussed in this study encompasses two main aspects: Ihsan in relation to Allah SWT and Ihsan in relation to fellow human beings. In the context of student life, the lack of application of Ihsan can expose students to social issues despite the early imparting of values and ethics education. Therefore, this study focuses on the aspect of internalising the concept of Ihsan based on the book Ihya Ulumuddin. The research applies a qualitative research approach with a content analysis design of the book Ihya' 'ulumuddin. The keyword search for Ihsan is used to explore the discussed concept within the book. Keyword discussions are conducted based on the context of student life from an Islamic education perspective. The results of this study explain that the concept of Ihsan is a core element in shaping one's character through maintaining relationships with Allah SWT and fellow human beings.</i></p> <p><i>Keywords: Ihsan, Ihya' 'Ulumuddin, Students, Ethics, Islamic Education.</i></p>
Abstrak	<p><i>Ihsan merupakan komponen penting dalam perbahasan tasawuf bagi pembentukan jiwa dan kerohanian seseorang individu. Ihsan ini bermaksud berbuat baik atau melakukan sesuatu dengan bagus. Dengan ihsan, seseorang individu melakukan perbuatan dan bertingklaku dengan lebih berhati-hati dan berwaspada agar sentiasa dalam keredhaan Allah SWT. Konsep ihsan yang dibincangkan dalam kajian ini merangkumi dua bahagian utama iaitu ihsan dalam hubungan dengan Allah SWT dan ihsan dalam hubungan sesama manusia. Dalam konteks kehidupan mahasiswa, kurangnya penerapan ihsan mengakibatkan mahasiswa terdedah kepada isu gejala sosial meskipun pendidikan nilai dan akhlak disampaikan semenjak kecil. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada aspek penghayatan konsep ihsan berdasarkan kitab Ihya'</i></p>

'ulumuddin. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan terhadap kitab Ihya' 'ulumuddin. Pencarian kata kunci ihsan digunakan bagi meneliti konsep ihsan yang dibahaskan dalam kitab Ihya' 'ulumuddin. Perbincangan kata kunci yang ditemui dilakukan mengikut konteks kehidupan mahasiswa dari perspektif pendidikan menurut Islam. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa konsep ihsan menjadi teras utama dalam pembentukan sahsiah diri melalui penjagaan hubungan dengan Allah SWT dan manusia.

Kata kunci: *Ihsan, Ihya' 'ulumuddin, Mahasiswa, Akhlak, Pendidikan Islam.*

PENGENALAN

Pembangunan mahasiswa holistik perlu dipandu dengan penerapan pendidikan yang sempurna melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran di peringkat pengajian tinggi. Salah satu agenda pendidikan adalah dengan mengikut acuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang berlandaskan kepercayaan kepada Tuhan. FPK memberikan penekanan kepada empat elemen iaitu pembangunan jasmani, pembangunan emosi, pembangunan rohani dan pembangunan intelek. Pembangunan emosi dan rohani antara elemen yang perlu dititikberatkan dalam pembentukan sahsiah unggul. Menurut Saharia Hj. Ismail (2015), pembangunan insan yang sejahtera tidak mengabaikan mana-mana aspek sama ada dari sudut jasmani, emosi, rohani atau intelek bahkan menggabungkan setiap aspek tersebut bagi membina insan yang mempunyai pegangan agama yang kuat, penerapan nilai-nilai murni yang jitu serta berkemahiran dalam bidang yang diceburi. Pembangunan insan yang berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini dapat digambarkan dalam domain pembelajaran yang sedia ada iaitu kognitif, afektif dan psikomotor (Saharia Hj. Ismail, 2015; Noor Syahida et al., 2022).

Namun begitu, peningkatan isu gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, seks bebas, ketagihan pornografi dan kes buli (Faridah et al., 2018; Mazdi et al., 2021; Normadiana et al., 2021) saban hari semakin membimbangkan khususnya selepas fasa pandemik yang berlaku hampir dua tahun dahulu. Peningkatan jumlah masalah kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa juga menggambarkan permasalahan dari aspek kejiwaan dan kerohanian (Sheela et al., 2020; Tuan M. Iqbal et al., 2022). Antara permasalahannya ialah mahasiswa mengalami kemurungan, tekanan dan kebimbangan.

Oleh itu, berdasarkan permasalahan-permasalahan yang dinyatakan menunjukkan bahawa wujudnya kelompokan dari aspek pembentukan afektif yang merencatkan mahasiswa dalam pembentukan nilai, emosi, motivasi dan sikap yang baik. Maka, perbincangan tentang nilai ihsan ini dibahaskan bagi memberikan keberkesanan terhadap pembentukan afektif mahasiswa (Safiah et al., 2018; Nor Dalilah & Raihanah, 2022). Hal ini demikian kerana aspek emosi dan rohani mempunyai perkaitan yang rapat dengan nilai ihsan itu tersendiri. Kesan emosi dan rohani yang baik dapat membentuk keperibadian yang baik. Objektif kajian ini menumpukan konsep ihsan dalam pendidikan berdasarkan kitab *Ihya' 'ulumuddin*.

KONSEP PENDIDIKAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Pendidikan menjadi agenda utama dalam pembangunan negara bagi pembentukan individu yang bersahsiah mulia dan masyarakat yang bertamadun. Pendidikan juga menjadi aspek penting dalam mengembangkan potensi mahasiswa secara menyeluruh sama ada dari sudut kognitif, afektif dan psikomotor. Hal ini selari dengan pandangan Ibn Sina berkenaan pendidikan iaitu pengembangan potensi yang dimiliki secara sempurna iaitu perkembangan fizikal, intelektual dan budi pekerti. Manakala, menurut Hasan Langgulung, pendidikan adalah proses pengajaran yang melibatkan pemindahan dan pengembangan pengetahuan, mewujudkan penghayatan dan kesedaran serta pembentukan sikap atau perilaku (Karwadi, 2009). Hasan Langgulung juga menggunakan istilah ta'dib dengan menghuraikan kepada tiga kepentingan tentang pendidikan iaitu

pertama, pemindahan nilai-nilai, budaya, pengetahuan daripada seseorang kepada orang lain. Kedua, sebagai proses latihan dan ketiga ialah pendidikan sebagai penanaman nilai (Karwadi, 2009; Sri Syafa'ati & Hidayatul Muamanah, 2020; Badru Zaman et al., 2018).

Selain itu, penggunaan istilah bagi pendidikan menurut al-Attas ialah ta'dib yang bermaksud proses menitikkan adab atau budi pekerti. Konsep dan proses pendidikan yang dibawakan oleh al-Attas meliputi konsep utama dalam pandangan alam Islam iaitu makna (*ma'na*), ilmu (*ilm*), keadilan (*'adl*), kebijaksanaan (*hikmah*), tindakan (*'amal*), kebenaran (*haqq*), jiwa (*nafs*) dan pemikiran (*'aql*) (Karwadi, 2009; Sri Syafa'ati & Hidayatul Muamanah, 2020; Badru Zaman et al., 2018). Manakala Ibn Khaldun berpendapat bahawa pendidikan melibatkan kepada pembangunan individu dari aspek fizikal dan spiritual serta pembangunan peradaban masyarakat yang baik (Komarudin, 2022).

Berdasarkan pernyataan definisi-definisi di atas dapat difahami bahawa pendidikan berperanan penting dalam pembentukan individu dan masyarakat yang berkualiti serta memfokuskan kepada perkembangan potensi diri dan nilai-nilai yang baik sepanjang proses pendidikan berlaku (Sri Syafa'ati & Hidayatul Muamanah, 2020). Definisi-definisi yang dinyatakan juga dilihat mempunyai hubungan yang kuat dengan matlamat akhir dalam pendidikan iaitu melahirkan insan yang berpengetahuan, mempunyai pelbagai kemahiran serta bersikap proaktif dan positif terhadap ilmu pengetahuan. Melalui pendidikan, manusia dapat memahami hakikat kebenaran, makna dan tujuan hidup bagi mencapai aktualisasi diri (Hasmori et al., 2011). Dengan aktualisasi diri, insan dapat menjalankan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT secara menyeluruh yang menjadi tujuan utama penciptaan manusia di dunia ini (Karwadi, 2009).

KOMPONEN PENDIDIKAN

Pendidikan memiliki empat komponen utama yang mempunyai jalinan secara sistematik yang terdiri daripada pendidik, pelajar, kurikulum serta proses pengajaran dan pembelajaran:

Pendidik

Pendidik merupakan komponen penting dalam pembentukan peribadi pelajar bagi menentukan hala tuju yang betul dalam mencari ilmu pengetahuan yang benar. Pendidik perlulah menjalankan lima peranan dalam mendidik pelajar mencapai kebenaran. Antara lima peranan tersebut ialah *muddaris*, *mursyid*, *mu'allim*, *murabbi* dan *mu'addib* (Ab. Halim & Zarin, 2006). Sebagai *muddaris*, guru berperanan sebagai tenaga pengajar yang berketrampilan dari sudut keperibadian, kaedah pengajaran, bijak dalam mewujudkan suasana kondusif serta cekap dalam membuat keputusan. Manakala sebagai *murshid* pula, guru memegang peranan seorang pendidik dari sudut kepimpinan yang mencontohi kepimpinan Rasulullah SAW. Peranan sebagai *mu'allim* menjadikan seseorang guru menggalas tanggungjawab sebagai penyampai maklumat dan ilmu pengetahuan kepada pelajar berpandukan kepada sumber utama iaitu Allah SWT dan Rasulullah SAW (Ab. Halim, 2010). Peranan sebagai *murabbi* adalah dengan memikul tugas untuk mendidik dan menjaga pelajar dalam usaha mengekalkan keperluan emosi dan fizikalnya dengan penuh kasih sayang. Peranan yang paling utama juga melibatkan peranan sebagai *mu'addib* yang bertanggungjawab membimbing akhlak pelajar dengan menunjukkan sifat yang terpuji dan teladan yang baik serta menjaga maruah diri dari sudut percakapan, perbuatan, dan pemakaian (Ab. Halim & Zarin, 2006).

Dalam masa yang sama, konsep pendidik yang dibawakan oleh al-Attas melibatkan tanggungjawab seseorang pendidik memindahkan ilmu yang dimiliki kepada pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran serta mendidik keperibadian pelajar ke arah lebih baik. Keperibadian diri pendidik juga memainkan peranan penting dalam menunjukkan teladan dan contoh yang baik kepada pelajar (M. Ma'ruf, 2019). Konsep ini selari dengan pendapat Ibn Sina yang menekankan tugas pendidik dengan menerapkan aspek pengetahuan (kognitif) dalam membina pemahaman, membina aspek penghayatan

dalam pembelajaran yang bersifat perasaan (afektif) dan mewujudkan aspek pengamalan melalui praktikal (psikomotor) kepada pelajar. Oleh itu, pendidik merupakan karakter utama dalam pembentukan sahsiah pelajar dan menggalas tugas dengan memberikan ilmu pengetahuan yang benar berpandukan al-Quran dan as-Sunnah bagi mencapai keredhaan Allah SWT.

Kurikulum

Kurikulum menurut pandangan al-Attas dapat dilihat berdasarkan dua dimensi (M. Ma'ruf, 2019). Pertama, dimensi yang merangkumi keperluan spiritual iaitu fardhu ain yang mencakupi aspek-aspek yang bersifat individu dan wajib dilaksanakan bagi setiap individu seperti ilmu akidah, fekah dan tasawuf. Kedua, dimensi yang memenuhi keperluan secara material iaitu fardhu kifayah seperti ilmu falsafah dan ilmu perubatan. Keperluan fardhu kifayah ini bersifat sosial dan perlu dipenuhi oleh sekelompok masyarakat secara menyeluruh. Ilmu fardhu ain menjadi keperluan utama dalam pengembangan kepada aspek fardhu kifayah bagi mendalami hakikat penciptaan manusia oleh Allah SWT.

Di samping itu, kurikulum yang disusun oleh Ibn Sina tidak dinyatakan secara jelas berdasarkan istilah kurikulum. Kurikulum yang dijelaskan di sini membawa kepada tiga ciri utama iaitu pertama, konsep kurikulum Ibn Sina disusun mengikut jumlah mata pelajaran dan diberikan penjelasan serta tujuan mata pelajaran tersebut diajarkan kepada pelajar. Kedua, setiap pelajaran atau ilmu yang disusun perlulah mempunyai kegunaan dalam lapangan pekerjaan dan ketiga, kurikulum ini dibentuk berdasarkan pengalaman peribadi Ibn Sina dalam pembelajaran beliau (Idris Rasyid, 2019). Berdasarkan konsep kurikulum yang dinyatakan di atas dapat disimpulkan bahawa kurikulum yang berkesan dalam proses pembelajaran dan pengajaran merupakan kurikulum yang membawa kepada konsep ketuhanan iaitu kembali kepada Allah SWT dan bersesuaian dengan kelompok masyarakat dan keperluan pekerjaan zaman kini.

Pelajar

Pelajar menjadi salah satu komponen penting dalam pendidikan bagi pembangunan peradaban yang maju. Berdasarkan perkataan bahasa Arab, pelajar diertikan dengan istilah *Talib* yang bermaksud orang yang menuntut ilmu. Namun secara terperinci pelajar itu merupakan kelompok yang belum dewasa dan memiliki beberapa potensi yang boleh diperkembangkan (M. Ma'ruf, 2019). Perkara ini selaras dengan perspektif menurut Ibn Khaldun iaitu pelajar merupakan kelompok yang memiliki potensi dan kemahiran yang boleh diperkembangkan agar dapat melahirkan pelajar yang tekun terhadap pembelajaran dan berkemahiran dalam suatu bidang yang diceburi.

Sebagai seorang pelajar, terdapat beberapa adab yang perlu dimiliki iaitu mempunyai sikap menghormati pendidik atau pensyarah. Hal ini kerana pendidik merupakan seseorang yang memberi ilmu kepada pelajar. Setiap percakapan dan kelakuan pelajar hendaklah menunjukkan tanda penghormatan kepada pendidik sebagai adab seorang pelajar kepada pendidik. Selain itu, pelajar haruslah memiliki keperibadian yang baik. Keperibadian yang baik ditafsirkan kepada mempunyai aspek spiritual dan fizikal yang baik serta mempunyai adab dalam mencapai insan kamil (M. Ma'ruf, 2019). Berdasarkan pendapat al-Attas:

"Orang yang baik merupakan orang yang sedar tentang tanggungjawab yang diberikan oleh Tuhannya serta memahami dan menunaikan keadilan terhadap dirinya sendiri dan orang lain serta sentiasa berusaha menjadi manusia yang beradab."

Pendapat ini selari dengan pendapat Imam al-Ghazali iaitu menjadi kewajipan pelajar dalam menjaga diri daripada akhlak yang buruk dan sifat tercela (Sri Syafa'ati & Hidayatul Muamanah, 2020).

Di samping itu, pelajar juga perlu mempunyai semangat yang tinggi dalam menuntut ilmu dengan menguasai teori yang diberikan dan mengamalkannya secara praktis. Pemahaman terhadap ilmu yang dipelajari bukan sahaja memberikan manfaat kepada diri sendiri bahkan kepada masyarakat (M. Ma'ruf, 2019). Kesungguhan dan ketekunan dalam menuntut ilmu wajar dipraktikkan dalam kehidupan bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Secara umumnya, potensi dan kemahiran pelajar boleh digilap berdasarkan ilmu pengetahuan yang dimiliki dan menerapkan adab-adab kepada pelajar supaya mendapat keredhaan di sisi Allah SWT.

Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan aktiviti utama dalam sesebuah institusi pendidikan bagi melahirkan pelajar yang berkualiti (Mohamed Hamdan et al., 2022). Di sini, konteks pengajaran dalam pendidikan dapat dilihat sebagai suatu proses yang kompleks dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan memerlukan perancangan, bimbingan serta penilaian bagi mencungkil potensi dan bakat yang dimiliki oleh pelajar agar mendapat pencapaian yang cemerlang (Noor Lela et al., 2019; Mohamed Hamdan et al., 2022). Manakala, proses pembelajaran pula lebih menumpukan kepada interaksi antara pendidik dan pelajar secara sedar dan terancang sama ada di luar atau di dalam suatu ruangan bagi meningkatkan kemampuan pelajar (Mohamed Hamdan et al., 2022).

PdP dilaksanakan bertujuan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan memerlukan kepada pendekatan dan kaedah yang sentiasa berubah bagi memberikan keberkesanan yang lebih baik kepada pelajar. Keberkesanan PdP yang baik adalah dengan mencapai objektif-objektif pengajaran dan menyusun strategi serta perancangan yang bersesuaian dalam membentuk pengalaman pembelajaran yang berkualiti (Mohamed Hamdan et al., 2022). Dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini juga, komunikasi dua hala antara pendidik dan pelajar merupakan aspek penting bagi membangunkan suasana pembelajaran yang kondusif dan selesa. Oleh itu, pendidik dan pelajar berperanan dalam membentuk suatu proses pengajaran dan pembelajaran agar dapat dilaksanakan dengan baik serta menepati piawaian yang ditetapkan oleh institusi pendidikan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep ihsan dalam kitab *Ihya' 'ulumuddin* dalam konteks pendidikan. Pendekatan kualitatif diaplikasikan dengan menggunakan reka bentuk analisis kandungan terhadap teks. Pengumpulan data diperolehi dengan menganalisa teks berdasarkan kitab *Ihya' 'ulumuddin* karangan Imam Al-Ghazali. Kata kunci ihsan dikenal pasti sebagai kata kunci utama atau tema bagi penghuraian konsep ihsan dalam konteks pendidikan. Selain itu, Maktabah Syamilah menjadi medium utama dalam mengenal pasti kata kunci ihsan dengan lebih terperinci mengikut bab-bab yang tertentu.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis ihsan yang dilakukan daripada kitab *Ihya' 'ulumuddin* mendapati bahawa konsep ihsan ini terbahagi kepada dua bentuk hubungan. Hubungan yang terbentuk merupakan hubungan dengan Allah SWT dan hubungan dengan manusia. Menurut konteks dalam al-Quran, penekanan ihsan ini membawa pengertian berkenaan berbuat baik kepada Allah SWT dan manusia dari sudut akidah, ibadah dan akhlak. Manakala, berdasarkan hadis Jibril menurut Sahih Muslim, ihsan ini membawa maksud kepada kesedaran bertuhan yang menekankan tentang elemen muraqabah dan musyahadah.

Hubungan dengan Allah SWT

Berdasarkan Jadual 1, beberapa tema dijumpai berkenaan konsep ihsan dalam konteks menjaga hubungan dengan Allah SWT berdasarkan aspek pendidikan. Dalam konteks pendidikan, pengetahuan tentang hakikat ilmu yang benar berperanan dalam menjaga hubungan dengan Allah SWT (al-Ghazali, 2005). Salah satu aspek penting dalam

pendidikan ialah menyampaikan dan mengembangkan ilmu (Husni, 2019; Nurul Tsalis et al., 2023). Perbahasan ilmu yang ditekankan hendaklah berlandaskan kepada tauhid dan nilai-nilai Islam. Ilmu yang menjadi suatu keperluan kepada diri ialah ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Ilmu fardhu ain lebih menekankan tentang pembentukan peribadi dari sudut ilmu akidah, feqah dan akhlak. Manakala, ilmu fardhu kifayah merupakan ilmu yang perlu dilaksanakan oleh suatu kelompok masyarakat seperti ilmu perubatan. Melalui ilmu pengetahuan yang diperolehi, mahasiswa lebih bertanggungjawab dalam melakukan suatu perkara sama ada dalam kebaikan atau keburukan dan meletakkan niat beribadah kerana Allah SWT. Konsep ihsan ini juga mempunyai perkaitan dengan sifat ikhlas (al-Ghazali, 2005). Sifat ikhlas ini merupakan ruh bagi setiap amalan yang dilakukan. Hal ini kerana sifat ikhlas merupakan syarat dalam penerimaan ibadah di sisi Allah SWT (Nurul Tsalis et al., 2023). Sifat ikhlas ini menjadi landasan dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan pengajaran bagi semua pendidik dan pelajar supaya sentiasa bersemangat dalam mencari keredhaan Allah SWT.

Jadual 1: Analisis Konsep Ihsan

PERKATAAN	BAB	MUKA SURAT	TEMA
الإحسان	Kasih Sayang, Rindu, Pengawalan Hati dan Redha	Bahasa Arab: muka surat 1665	Hakikat Ilmu
		Bahasa Arab: muka surat 1669	Ikhlas (Motivasi pendidik dan pelajar)
		Bahasa Arab: muka surat 1685 & 1692	Kecintaan kepada Allah SWT
		Bahasa Arab: muka surat 1710	Keredhaan Allah SWT
	Muraqabah dan Muhasabah	Bahasa Arab: muka surat 1769	Elemen Muraqabah
	Dzikir dan Doa	Bahasa Arab: muka surat 353	Zikir
	Bahaya Tipu Daya	Bahasa Arab: muka surat 1300	Ilmu Tipu Daya Syaitan
	Mencela Marah, Dengki dan Hasad	Bahasa Arab: muka surat 1081	Mujahadah diri
		Bahasa Arab: muka surat 1098	Mudah melakukan kebaikan
	Taubat	Bahasa Arab: muka surat 1374	Pelatihan Jiwa

Sumber: al- Ghazali (2005)

Matlamat pembentukan konsep ihsan harus dicapai dengan bertujuan untuk mendapatkan kecintaan dan keredhaan kepada Allah SWT. Hal ini demikian kerana konsep pendidikan sendiri perlu membawa pendidik dan pelajar mendalami tentang tujuan hidup di dunia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Pembentukan konsep ihsan dapat dibentuk dengan menghadirkan perasaan bahawa Allah SWT melihat dan memerhati setiap tindakan dan perbuatan yang dilakukan. Perkara ini mempunyai hubungan dengan elemen muraqabah. Elemen muraqabah ini merupakan pendekatan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Selain itu, penjagaan hubungan dengan Allah SWT dapat dilakukan melalui zikir, pelatihan jiwa dan mujahadah diri bagi membangunkan sahsiah pendidik dan pelajar yang sentiasa mengingati Allah SWT dan melakukan perkara kebaikan serta menjauhi perkara keburukan. Penerapan konsep ihsan juga dapat menggalakkan diri

untuk mudah melakukan kebaikan kerana mempunyai cita-cita untuk mengejar keredhaan Allah SWT.

Hubungan dengan Manusia

Berdasarkan Jadual 2, hubungan dengan manusia merupakan salah satu konteks bagi mendapatkan ihsan dalam diri. Hakikat fitrah manusia cenderung kepada kebaikan dan benci terhadap kejahatan. Maka, manusia lebih mudah untuk suka kepada orang yang berbuat kebaikan walaupun tiada ikatan persaudaraan. Dari sudut pendidikan, fitrah kepada kebaikan menjadikan pendidik dan pelajar mempunyai kesedaran tentang tanggungjawab terhadap tindakan yang dilakukan dan membimbing mereka menuju kepada Allah SWT. Sifat pemurah dan pemaaf merupakan sifat yang perlu diterapkan dalam penglibatan bersama masyarakat. Hal ini demikian kerana sifat pemurah dan pemaaf itu merupakan antara sifat yang terpuji dan disenangi oleh manusia.

Dalam pembinaan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran, setiap objektif pembelajaran yang disusun perlulah bermanfaat dan mempunyai hubungan kuat dengan unsur ketuhanan. Hal ini demikian kerana, suatu kurikulum itu hendaklah memberi kesan yang baik terhadap pelajar dalam pembinaan akhlak dan sikap yang baik. Seterusnya, sifat adil menjadi antara sifat yang ditekankan oleh Imam al-Ghazali (al-Ghazali, 2005). Sifat adil dalam kalangan pendidik ini membantu mencipta persekitaran yang positif bagi perkembangan dan pembentukan karakter yang baik dalam diri pelajar. Pendidik perlu berlaku adil dalam memberikan pengetahuan serta layanan yang sama rata kepada setiap pelajar bagi memastikan mereka mendapat peluang dan ruang untuk menunjukkan potensi mereka. Oleh itu, penghayatan ihsan melalui hubungan dengan Allah SWT dan manusia dapat meningkatkan keimanan serta ketakwaan kepada Allah SWT dan mengeratkan hubungan silaturrahim sesama manusia.

Jadual 2: Analisis Konsep Ihsan

PERKATAAN	BAB	MUKA SURAT	TEMA
الإحسان	Kasih Sayang, Rindu, Pengawalan Hati dan Redha	Bahasa Arab: muka surat 1660	Fitrah kepada kebaikan (Kesedaran tanggungjawab kepada Allah SWT)
		Bahasa Arab: muka surat 1666	Sifat Pemurah (Pembentukan karakter)
	Adab Bekerja dan Cara Penghidupan	Bahasa Arab: muka surat 524	Bermanfaat (Kurikulum)
		Bahasa Arab: muka surat 526	Adil (Penilaian terhadap sikap mahasiswa)
		Bahasa Arab: muka surat 527	Bertanggungjawab (Etika pengajaran)
	Adab Menjalin Hubungan dengan Orang Lain	Bahasa Arab: muka surat 622	Sifat pemaaf (Pembentukan karakter)

Sumber: al-Ghazali (2005)

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, pendidikan merupakan wasilah dan aspek yang penting dalam melahirkan pelajar yang berpengetahuan, bersikap baik serta berkemahiran dalam pelbagai sudut. Hal ini sejajar dengan pembentukan domain pembelajaran yang

ditetapkan dalam pendidikan iaitu kognitif, afektif dan psikomotor bagi melahirkan pelajar yang sejahtera. Maka, pensyarah menjadi karakter penting dalam penerapan dan penghayatan ihsan dalam diri pelajar. Pembentukan ihsan dalam diri pelajar dapat memberikan kesedaran khususnya kesedaran bertuhan agar sentiasa berhati-hati dalam setiap tindakan dan perbuatan yang dilakukan. Oleh itu, konsep ihsan perlu diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi membina hubungan baik dengan Allah SWT dan manusia. Hal ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjadikan pendidikan sebagai usaha berterusan dalam pembinaan individu sejahtera yang berlandaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

RUJUKAN

Buku

al-Ghazali. (2005). *Ihya' Ulumuddin*. Dar Ibn Hazam.

Jurnal

- Ab. Halim, T. & Mohamad Khairul Azman, A. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Akhmal Annas, H., Hussin, S., Ismail, S., Norihan, R. H., & Muhammad Sukri, D., (2011). Pendidikan, Kurikulum Dan Masyarakat : Satu Integrasi. *Journal of Edupres*, 1, 350-356.
- Badru, Z., Didin, H., & Endin, M. (2018). Pendidikan Islami dalam Pemikiran Hasan Langgulung. *Ta'dibuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 7(1), 1-19.
- Faridah, C. H., Khairul Hamimah, M. J., Zawiah H. M., & Fakhru Adabi, A. K. (2018). Elemen Pembentukan Akhlak dan Moral: Penelitian Terhadap Modul Pengajian Kursus Titas di Universiti Malaya. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*. 433-448.
- Husni. (2019). Konsep Ihsân dalam Wacana Pendidikan Islam. *TAJDIR*, 26(1), 1-12.
- Idris Rasyid. (2019). Konsep Pendidikan Ibn Sina tentang Tujuan Pendidikan, Kurikulum, Metode Pembelajaran, dan Guru. *EKSPOSE: Jurnal Penelitian Hukum Dan Pendidikan*, 18(1), 779-790.
- Karwadi. (2009). Tujuan Pendidikan Islam Dalam Pemikiran Hasan Langgulung. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 4(2), 137-158.
- Komarudin. (2022). Pendidikan Perspektif Ibn Khaldun. *PANDAWA: Jurnal Pendidikan Dan Dakwah*, 4(1), 23-41.
- M. Ma'ruf. (2019). Konsep Pendidik dan Peserta Didik Perspektif Syed Naquib Al-Attas. *TA'LIMUNA: Jurnal Pendidikan Islam*, 8(1), 1-10.
- Mazdi, M., Muhammad Hasbi, A. R., Khairul Gufran, K., Mohamad Basri, J., Norshahrul Marzuki, M. N., & Irma Wani, O., (2021). Universiti Sebagai Medan Pembentukan Kecemerlangan Akhlak Mahasiswa. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 6(39), 90-100.
- Mohamed Hamdan, M. I., Mohd Zamri, M. Z., & Amin Zakuan, M. I. (2022). Keberkesanan Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Politeknik. Ditinjau Dari Perspektif Pensyarah Pemantau dan Pelajar. *Journal of Education and Social Sciences*, 20(1), 94-98.
- Noor Lela, A., Sho Sin, L., Hariyaty, A. W., & Rohaila, Y. (2019). Kepentingan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21 Terhadap Pembangunan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(28), 37-51.
- Noor Syahida, M. S., Mahfuzah, M. Z., & Huzaimah, I. (2022). Nilai-nilai Murni dalam Pengajaran Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) di Universiti Teknologi MARA (UiTM): Satu Tinjauan. *GADING (Online) Journal for Social Sciences*. 25(2), 1-12.
- Nor Dalilah, Z., & Raihanah, A., (2022). Menghayati Nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam Mendepani Cabaran Kontemporari. *AR-RA'IQ*, 5(1), 20-74

- Normadiana, M. H., Norizah, O., Mohammad Mokhtar, S., & Mohd Mawardi, M. K., (2021). Gejala Sosial Di Kalangan Mahasiswa Universiti. *Gading Journal for Social Sciences*, 24(3), 38-46.
- Nurul Tsalis, Lauchan Achda, S., & Fadlhurrahman. (2023). Konsep Ihsan Menurut Para Mufassir Al-Qur'an dan Hubungannya Dengan Pendidikan. *INNOVATIVE: Journal of Social Science Research*, 3(2), 1288-1300.
- Safiah, A. R., Che Zarrina, S., & Syed Mohammad Hilmi, S. A. R., (2018). Relevansi Tasawuf dan Pembangunan Rohani Insan: Satu Sorotan Awal. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(4), 71-84.
- Saharia, H. I. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 8(2), 83-100
- Sheela, S., Karuthan, C., Kamilah, K., Mohammad, N., Gul Mohammad, B., Heba, B. K., Syed Far, A. H., & Areej, S. (2020). Psychological Impact of COVID-19 and Lockdown among University Students in Malaysia: Implications and Policy Recommendations. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17, 1-13.
- Sri Syafa'ati & Hidayatul Muamanah. (2020). Konsep Pendidikan Menurut Muhammad Naquib Al-Attas dan Relevansinya dengan Sistem Pendidikan Nasional. *PALAPA: Jurnal Studi Keislaman Dan Ilmu Pendidikan*, 8(2), 285-301.
- Tuan M. Iqbal, T. M. S., Najihah, A. W., Anas, M. Y., Zurita, M. Y., & Mohd Rahim, A. (2022). Faktor Kemurungan di Kalangan Pelajar Universiti di Malaysia. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 1(1), 128-146.

Prosiding dan Persidangan

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2006). *Model Guru Pendidikan Islam: Konsep 5 Mim*. In Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam (pp. 1-15). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.